


A dark blue vertical bar on the left side of the page. A blue arrow points to the right from the bar, containing the date.

11/9/2022

Kerja Lapangan Geografi Tingkatan 1

Kajian Tentang Kesan Pembuangan
Sisa Domestik di Taman Pelangi,
Johor Bahru, Johor

Several thin, curved lines in dark blue and light grey that originate from the bottom left and sweep upwards and to the right.

Disediakan oleh:

LIM KAI XUAN (1 PEARL)

ISI KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Halaman</u>
Penghargaan	3
Pendahuluan	4
Objektif Kajian	5
Kawasan Kajian	6
Kaedah Kajian	7
Hasil Kajian	8
Gambar Rajah Pembuangan Sisa Domestik	10
Rumusan	11
Lampiran	-

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd Khalid, Puan Anita binti Haji Maizan dan Guru mata pelajaran Geografi , iaitu Cikgu Fakrur kerana telah memberi peluang kepada saya dalam melakukan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan rakan-rakan yang telah banyak membantu saya, meminjamkan bahan-bahan rujukan, memberi panduan dan bekerjasama sepanjang penghasilan kertas kerja ini.

Seterusnya, saya juga meletakkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para responden yang sangat membantu saya untuk menyiapkan tugas ini dengan lancar.

Pendahuluan

Setiap murid Tingkatan 1 wajib menyiapkan kerja lapangan bagi mata pelajaran Geografi yang bertajuk “Sisa domestik”. Saya memilih untuk menjalankan kajian sisa domestik di kawasan tempat tinggal saya iaitu di Taman Pelangi, 80400, Johor Bahru, Johor.

Saya dibesarkan di Taman Pelangi. Oleh itu, adalah lebih mudah untuk saya menjalankan kajian di sini. Saya juga mendapati terdapat segelintir penduduk taman ini yang suka membuang sampah merata-rata, membuang sisa kotoran ke dalam longkang dan melakukan pembakaran terbuka kerana lokasi taman ini tiada dumper yang khusus untuk penduduk membuang barang-barang yang besar. Perkara ini membolehkan saya membuat pemerhatian dan kajian yang lebih menyeluruh untuk menyempurnakan tugas saya ini.


Masa yang diberikan kepada semua murid bagi menyiapkan kerja kursus ini selama satu bulan. Bagi saya, tempoh yang diberikan bersesuaian untuk saya menyiapkan kerja kursus ini dengan sempurna bagi mencari maklumat dan bahan tentang kawasan kajian. Saya menggunakan satu bulan untuk mengumpul semua bahan iaitu peta lakaran, kawasan tempat, hasil kajian, bahan grafik, dan menyiapkan dapatan, rumusan dan keseluruhan kajian saya. Saya bersyukur dan bangga kerana kajian saya ini boleh dijadikan panduan kepada saya dalam membantu usaha-usaha bagi mengatasi masalah sisa domestik di taman saya pada masa hadapan.

Objektif Kajian

Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti punca pembuangan sisa domestik.
2. Mengkaji kesan sisa domestik.
3. Mengenal pasti jenis sisa domestik.
4. Mendefinisikan konsep sisa domestik.
5. Menyenaraikan langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik.

Kawasan Kajian (Taman Pelangi, Johor Bahru, Johor)



Kaedah Kajian

Kajian luar ini saya jalankan dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu:

1. Pemerhatian dan pencerapan dijalankan bagi mengenal pasti jenis sisa domestik di taman ini.
2. Soal selidik juga telah saya lakukan terhadap beberapa responden yang terdiri daripada pekerja dan penduduk setempat. Soal selidik berkisar kepada sisa domestik yang diperolehi, kawasan yang menjadi pilihan untuk perniagaan, kesan jangka masa pendek dan jangka masa panjang akibat kegiatan ekonomi tersebut.
3. Kaedah merujuk sumber sekunder seperti rujukan internet dan buku teks geografi pula kami jalankan untuk memperoleh peta kawasan dan sebagainya.

Hasil Kajian

Konsep Kajian

Merujuk buku teks tingkatan 1 konsep sisa domestik ialah sisa yang terkumpul dan tidak menyelenggarakan.

Jenis Sisa Domestik

Berdasarkan pemerhatian saya dan hasil soal selidik bersama 10 orang responden di taman saya, sisa domestik di kawasan ini dapat dikelaskan kepada lima jenis iaitu:

1. Sisa makanan
2. Plastik
3. Kertas
4. Tin
5. Sisa kebun

Punca-punca

Para responden memberi pendapat tentang punca punca pembuangan sisa domestik. Punca-punca yang menyebabkan berlakunya pembuangan sisa domestik adalah:

1. Pembuangan sisa toksik daripada kilang
2. Pembuangan bahan-bahan buangan.
3. Aktiviti tanian.
4. Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab.
5. Kurang kesedaran masyarakat.

Kesan-kesan pembuangan sisa domestik


Pilihan responden adalah:

1. Pencemaran
2. Wabak penyakit
3. Peningkatan
4. Banjir kilat

Langkah-langkah mengurangkan pembuangan sisa

1. Pengasingan sampah di punca iaitu tempat terkumpulnya sampah sarap.
2. Mengadakan program gotong royong bersama jiran tertangga.
3. Menggalakkan program konsep 3R (Reuse, Reduce, Recycle) yang membawa maksud kurangkan penggunaan beg plastik ataupun berkaitan dengan plastik, menggunakan semula bahan-bahan dan berkaitan kitar semula.

Gambar rajah pembuangan sisa domestik



Rumusan

Pembangunan ekonomi ini merupakan indikator yang positif dari aspek sosioekonomi penduduk tetapi ia perlulah seimbang dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi. Jika kepentingan alam semula jadi diabaikan, penduduk akan terus menghadapi masalah seperti pencemaran dan bencana alam.

Taman Pelangi merupakan sebuah taman perumahan yang berpotensi besar untuk dibangunkan ke tahap seterusnya. Namun demikian, usaha pembangunan taman ini tidak harus dilakukan secara intensif sehingga membelakangkan penjagaan alam sekitar. Justeru, setiap pihak perlulah memainkan peranan masing-masing demi memastikan masyarakat dapat hidup dengan selesa. Sesungguhnya, pembangunan ekonomi tidak membawa apa-apa makna jika masyarakat hidup dalam persekitaran yang tidak sihat dan boleh menjejaskan kesihatan dalam jangka masa yang panjang.

Surat Makluman kepada Ibu Bapa/Penjaga

Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd Khalid

Sekolah Kluster Kecemerlangan
Jalan Abdul Samad
80100 Johor Bahru

Rujukan Kami:

Tarikh:

Kepada,

Ibu/Bapa/Penjaga.

Tuan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Semua murid Tingkatan sekolah ini akan terlibat dalam kerja lapangan mata pelajaran Geografi bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Hasil kerja lapangan ini merupakan sebahagian daripada pentaksiran sekolah. Bagi tujuan ini, semua murid akan menjalankan kerja lapangan di luar waktu persekolahan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

4. Dimaklumkan juga bahawa kerja lapangan akan dijalankan pada

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....

(Nama Pengetua dan Cap Sekolah)

*Tarikh dan masa mengikut ketetapan sekolah

.....

(Keratan Jawapan)

Saya No. Kad Pengenalan ibu / bapa / penjaga kepada murid
bernamaTingkatan membenarkan / tidak membenarkan anak di bawah jagaan saya
menjalankan kerjalapangan pada tarikh tersebut.

Tandatangan:

Nombor Telefon:

Surat Akuan Diri Murid

Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd Khalid
Sekolah Kluster Kecemerlangan
Jalan Abdul Samad
80100 Johor Bahru

Rujukan Kami:

Tarikh:

Kepada sesiapa yang berkenan,

Tuan,

KERJA LAPANGAN MATA GEOGRAFI

Pembawa surat ini

No. Kad Pengenalan ialah seorang murid Tingkatan di

Sekolah Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd Khalid. Murid ini sedang melaksanakan kerja lapangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Geografi Tingkatan 1.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati jika pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama kepada murid ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

3. Kerjasama dan bantuan tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....

(Nama Pengetua dan Cap Sekolah)

Perakuan Murid Tentang Keaslian Kajian

Saya memperakui bahawa kajian bertajuk **Kesan Pembuangan Sisa Domestik di Kawasan Tempat Tinggal Saya**, ini ialah hasil kerja saya sendiri melainkan petikan, grafik, gambar dan rajah yang dinyatakan sumber rujukannya.

Saya dengan ini mengaku bahawa kajian ini adalah asli. Saya ialah satu-satunya penulis kajian Ini.

Yang benar,

.....

()

Disahkan oleh,

.....

()

Tarikh:

Borang Soal Selidik

Kerja Lapangan Geografi Tingkatan 1

Tajuk: Kajian Tentang Kesan Pembuangan Sisa Domestik Di

Taman Pelangi, Johor Bahru, Johor.

Nama:	Janita: Lelaki / Perempuan
Umur: _____ tahun	Pekerjaan:
Alamat:	

Arahan: Sila tandakan ✓ pada jadual dibawah ini .

1. Jenis sisa domestik di kawasan tempat tinggal anda.

i.	Sisa makanan.	
ii.	Plastik.	
iii.	Kertas.	
iv.	Tin.	
v.	Sisa kebun.	

2. Punca sisa domestik di kawasan tempat tinggal anda.

i.	Pembuangan sisa toksik daripada kilang.	
ii.	Pembuangan bahan-bahan buangan.	
iii.	Aktiviti tanian.	
iv.	Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab.	
v.	Kurang kesedaran masyarakat.	

3. Kesan pembuangan sisa domestic di kawasan tempat tinggal anda.

i.	Pencemaran.	
ii.	Wabak penyakit.	
iii.	Peningkatan kos penyelenggaraan.	
iv.	Banjir kilat.	

Rujukan

Hisham Azman bin Ibrahim (2016) Geografi Tingkatan 1, Cheras Kuala Lumpur

<https://www.scribd.com/document/425884210/Kerja-Lapangan-Sisa-Domestik>

<https://portalcikgu.com/contoh-borang-soal-selidik.html>

<https://www.google.com/maps/place/Taman+Pelangi,+Johor+Bahru,+Johor/@1.4774255,103.7740519,16z/data=!3m1!4b1!4m5!3m4!1s0x31d050eb7701a8b9:0x2e2d1b6d30beef51!8m2!3d1.478838!4d103.7738869>

<https://www.milosuam.net/2020/12/kesan-pembuangan-sisa-domestik-sangat.html>

<https://utusan.timur.com/2022/02/07/buang-sampah-antara-5-petang-hingga-10-pagi/>